

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 8 JUN 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a)** apakah status terkini bantuan pembinaan rumah-rumah mangsa banjir (bilangan yang siap dan dalam pembinaan; dan
- (b)** apakah masalah sebenar yang dialami sehingga menyebabkan kelambatan penyaluran bantuan tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 1 Jun 2015, sebanyak 33 unit Rumah Kekal Baru yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan di seluruh Malaysia telah siap dan diserahkan kepada mangsa-mangsa banjir yang layak. Pada masa yang sama, sebanyak 309 unit sedang dalam peringkat pembinaan dan 238 unit lagi dalam peringkat pra-pembinaan. Secara keseluruhannya, Kerajaan Persekutuan membina sebanyak 1,412 unit Rumah Kekal Baru manakala Kerajaan-kerajaan Negeri akan membina sebanyak 573 unit.

Bagi negeri Kelantan, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kelantan telah mengenal pasti 1,827 unit Rumah Kekal Baru yang perlu dibina untuk mangsa-mangsa banjir. Dari jumlah tersebut, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri masing-masing akan membina 1,255 unit dan 572 unit Rumah Kekal Baru. Sehingga 1 Jun 2015, sebanyak 11 unit Rumah Kekal Baru yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan telah siap dan diserahkan kepada mangsa-mangsa banjir yang layak. Pada masa yang sama, sebanyak 206 unit sedang dalam peringkat pembinaan dan 228 unit lagi dalam peringkat pra-pembinaan.

Masalah yang dialami sehingga menyebabkan kelewatan pembinaan Rumah Kekal Baru adalah disebabkan penyelesaian ke atas isu-isu tapak yang mengambil masa. Sebagai contoh, terdapat tapak yang dikenalpasti untuk pembinaan Rumah Kekal Baru secara berkelompok didapati telah diceroboh dan memerlukan masa untuk mengeluarkan penceroboh dari tapak berkenaan. Selain dari itu, pengesahan hak milik

tapak sebelum Rumah Kekal Baru dapat dibina juga menyumbang kepada kelewatan pembinaan.

Sekian. Terima kasih.

**SOALAN ( 76 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 8 JUN 2015**  
**[ ISNIN ]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ**  
**[ JERLUN ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian ada membuat kajian berkaitan dengan terma harga rumah mampu milik pada masa ini dan nilai RM300,000 yang ditetapkan masih relevan dengan situasi ekonomi pada masa kini.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini harga rumah yang tinggi lazimnya berlaku di bandar-bandar utama khususnya di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak yang disebabkan oleh peningkatan kos tanah dan kos bahan binaan. Berdasarkan Laporan Indeks Harga Rumah Malaysia yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Hartanah Negara (NAPIC), harga semua rumah bagi kelima-lima negeri tersebut pada suku ketiga tahun 2014 adalah antara RM362,446 sehingga RM655,547 manakala bagi negeri-negeri lain adalah antara RM134,125 sehingga RM219,961.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membuat kajian berhubung perkara tersebut dan sedang dalam proses mendapatkan kelulusan bagi mengeluarkan kategori baharu harga rumah yang bertujuan untuk menyeragamkan harga rumah mengikut kategori di seluruh negara, di samping menetapkan harga di bawah RM300,000 bagi Rumah Mampu Milik.